

Kunjungan PM ke Dhaka imbau sejarah 52 tahun

Dhaka: Lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Bangladesh semalam menjadi simbol solidariti Malaysia bersama rakyat negara itu yang berdepan situasi mencabar pada masa ini.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Bangladesh, Haznah Md Hashim, berkata Malaysia ialah negara pertama yang membuat lawatan pada peringkat ketua kerajaan dalam tempoh dua bulan selepas kerajaan sementara Bangladesh dibentuk.

Perdana Menteri singgah ke Dhaka untuk lawatan rasmi ketika perjalanan pulang dari lawatan negara ke Pakistan yang berakhir pagi semalam.

“Lawatan ini mengulangi sejarah apabila Malaysia menjadi negara Islam pertama yang mengiktiraf kemerdekaan Bangladesh pada 31 Januari 1972,” katanya pada sidang media di sini.

Ogos lalu pemenang hadiah Nobel Muhammad Yunus dilantik mengetuai kerajaan sementara Bangladesh berikutan ketidakstabilan politik di negara

itu susulan beberapa minggu protes yang menyaksikan Sheikh Hasina meletak jawatan sebagai Perdana Menteri.

Haznah berkata, Perdana Menteri dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan Muhammad Yunus dan membuat kunjungan hormat ke atas Presiden Mohammed Shahabuddin sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petangnya.

Tahun lalu, Bangladesh adalah rakan dagangan yang ke-27 terbesar Malaysia, destinasi eksport ke-19 terbesar dan sumber import ke-47 terbesar, menjadikan ia sebagai daripada rakan dagangan kedua terbesar Malaysia dalam kalangan negara Asia Selatan.

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Bangladesh mencecah RM12.7 bilion (AS\$2.78 bilion) tahun lalu.

Anwar tiba di Dhaka lewat petang semalam dan diberikan penghormatan untuk memeriksa barisan kawalan kehormat di Lapangan Terbang Antarabangsa Hazrat Shahjalal.



Anwar memperkenalkan delegasi Malaysia kepada Muhammad Yunus ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Hazrat Shahjalal sempena lawatan rasmi ke Bangladesh, semalam.

(Foto BERNAMA)